



PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BIL. 6 TAHUN 2021

**SEMUA PEGAWAI PENGAWAL
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan menerangkan tentang pelaksanaan perakaunan akruan bagi pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri serta menjelaskan tanggungjawab Pegawai Pengawal dalam pelaksanaan.
- 1.2 Merujuk kepada Keputusan Majlis Mesyuarat Bil Ruj : P.K.w.N(K)1668 bertarikh 08 Januari 2014.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri kini mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai iaitu satu kaedah perakaunan yang mengiktiraf dan merekodkan sesuatu urusniaga apabila tunai diterima atau dibayar dalam tempoh perakaunan tersebut. Di bawah kaedah ini, perbelanjaan aset tidak dipermodalkan dan liabiliti tidak dilaporkan di dalam penyata kewangan. Kesemua perbelanjaan akan menggunakan peruntukan tahun semasa dan pembayaran dibuat sehingga bulan Januari tahun berikutnya.
- 2.2 Kerajaan Peselekutuan akan melaksanakan perakaunan akruan pada tahun 2022 iaitu sebaik sahaja pindaan Akta Tatacara Kewangan 1967 (Akta 61) diluluskan dan Kerajaan Negeri akan turut beralih daripada perakaunan asas tunai ubahsuai kepada asas akruan mulai tahun 2023.
- 2.3 Oleh yang demikian sebagai persediaan pelaksanaan perakaunan akruan pada tahun 2022, Jabatan/PTJ perlu memastikan rekod kewangan dan aset adalah tepat mengikut asas perakaunan akruan.

- 2.4 Perakaunan akruan mengiktiraf dan merekodkan urus niaga pada masa urus niaga berlaku. Di samping itu, semua aset dan liabiliti juga diperakaunkan di bawah perakaunan akruan. Semua urus niaga tersebut dilaporkan di penyata kewangan bagi tempoh tahun kewangan yang sama.
- 2.5 Perbezaan di antara perakaunan tunai ubahsuai dan perakaunan akruan adalah seperti berikut:

	Asas Tunai Ubahsuai	Asas Akruan
Hasil	Diiktiraf/direkodkan hanya apabila tunai diterima.	Diiktiraf/direkod dalam tempoh diperolehi (<i>earned</i>).
Perbelanjaan	Diiktiraf/direkod hanya apabila bayaran tunai dilakukan.	Diiktiraf/direkod dalam tempoh dibelanja / digunakan (<i>incurred</i>).
Aset	Tidak dipermodalkan dan diiktiraf/direkodkan sebagai perbelanjaan pada masa pembayaran.	Diiktiraf/direkod sebagai aset dan dipermodalkan dalam tempoh usia gunanya. Susutnilai dikenakan sepanjang tempoh usia gunanya.
Liabiliti	Tidak dilaporkan dan diiktiraf/direkod sebagai perbelanjaan pada masa pembayaran.	Diiktiraf/direkodkan dalam tempoh ianya ditanggung (<i>incurred</i>) sehingga dilunaskan.

3.0 FAEDAH PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

- 3.1 Faedah pelaksanaan perakaunan akruan adalah seperti berikut:
- 3.1.1 Memberikan gambaran kedudukan kewangan Kerajaan yang lebih menyeluruh dan tepat;
 - 3.1.2 Meningkatkan ketelusan dan akauntibiliti Kerajaan dalam pengurusan kewangan dan akaun;

- 3.1.3 Menambahbaik pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan melalui tadbir urus yang baik (*good governance*) serta menjurus kepada *value for money*;
- 3.1.4 Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Kerajaan dengan penjanaan laporan prestasi dan penyata kewangan secara lebih lengkap dan menyeluruh;
- 3.1.5 Pengukuran kesan polisi lebih efektif melalui pelaksanaan perakaunan pengurusan; dan
- 3.1.6 Memberi petunjuk yang lebih baik dalam pengurusan kewangan secara berhemat.

4.0 STRUKTUR DAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

4.1 Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan mampan di peringkat Kerajaan Negeri, Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri hendaklah ditubuhkan. Keahlian dan terma rujukan jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

4.1.1 Keahlian Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

Pengerusi : YB Pegawai Kewangan Negeri Kedah

Ahli : Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah

Urusetia : Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah

Terma Rujukan :

- 1) Memantau dan memastikan pelaksanaan perakaunan akruan di peringkat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman; dan
- 2) Melapor status kemajuan pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Negeri setiap suku tahun kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun peringkat Negeri.
- 3) Mengadakan mesyuarat dua kali setahun atau mengikut keperluan.

- 4.2 Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan mampan di peringkat Jabatan, Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Jabatan hendaklah ditubuhkan. Keahlian dan terma rujukan jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

4.2.1 Keahlian Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Jabatan

Pengerusi : Ketua Jabatan

Ahli : Pegawai Pengurusan Aset
Pegawai Pengurusan Hasil
Pegawai Pengurusan Kewangan

Urusetia : Dilantik oleh Ketua Jabatan

Nota : Pelantikan ahli tambahan adalah mengikut keperluan Jabatan

Terma Rujukan :

- 1) Memastikan pelaksanaan perakaunan akruan di peringkat jabatan;
- 2) Melapor status kemajuan pelaksanaan perakaunan akruan setiap suku tahun kepada Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Perakaunan Akruan; dan
- 3) Memastikan peruntukan kewangan, sumber manusia dan keperluan infrastruktur ICT mencukupi untuk pelaksanaan perakaunan akruan.
- 4) Mengadakan mesyuarat tiga kali setahun atau mengikut keperluan.

- 4.3 Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan mampan, Jawatankuasa Kerja Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri Kedah hendaklah ditubuhkan. Keahlian dan terma rujukan jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

4.3.1 Keahlian Jawatankuasa Kerja Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Kedah Darul Aman

Pengerusi : Bendahari Negeri Kedah

Ahli : Ketua Akauntan
Akauntan Operasi
Akauntan Naziran dan Khidmat Perundingan
Akauntan Perakaunan Dan Pengurusan
Kewangan
Penolong Akauntan Dana

Urusetia : Unit Perakaunan dan Pengurusan
Kewangan,
Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan
Negeri Kedah

Terma Rujukan:

- 1) Memastikan polisi dan piawaian yang digunakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) dan Akta Acara Kewangan; dan
- 2) Melaporkan status keputusan gunapakai polisi dan piawaian setiap bulan kepada Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Perakaunan Akruan.

5.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- 5.1 Pegawai–Pegawai adalah bertanggungjawab untuk memastikan langkah-langkah berikut diambil dengan sewajarnya bagi melaksanakan perakaunan akruan:
- 5.1.1 Menjadikan pelaksanaan perakaunan akruan sebagai Key Performace Indicator (KPI) Jabatan;
 - 5.1.2 Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Jabatan dan memastikan mesyuarat berkala diadakan;
 - 5.1.3 Melaporkan status pelaksanaan perakaunan akruan setiap suku tahun kepada Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah mengikut format yang akan ditetapkan;
 - 5.1.4 Menguruskan kewangan dan perakaunan jabatan dan PTJ masing-masing selaras dengan ketetapan pekeliling perakaunan akruan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa;
 - 5.1.5 Memastikan daftar aset, Akaun Belum Terima, Akaun Belum Bayar, Deposit, Wang Pendahuluan kepada kontraktor dan lain-lain rekod aset dan liabiliti di jabatan dan PTJ masing-masing

- dikemaskini selaras dengan pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa;
- 5.1.6 Memastikan pegawai yang terlibat mengikuti kursus dan latihan yang berterusan berkaitan pengurusan kewangan dan perakaunan; dan
 - 5.1.7 Memastikan laporan kewangan dan perakaunan jabatan dan PTJ masing-masing adalah tepat dan disediakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

6.0 PERUBAHAN PELAPORAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

- 6.1 Sistem Perakaunan Asas Tunai hanya melaporkan hasil dan perbelanjaan apabila tunai sebenar diterima dan dibayar. Manakala aset dan liabiliti Kerajaan Negeri hanya dilaporkan dalam bentuk baki wang tunai, pelaburan dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dilaporkan.
- 6.2 Di bawah Sistem Perakaunan Asas Akruan, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri akan melaporkan transaksi kewangan kerajaan Negeri berdasarkan transaksi sebenar yang berlaku dan tidak hanya terhad kepada transaksi tunai sahaja. Di samping itu, keseluruhan aset yang dipegang oleh Kerajaan serta liabiliti Kerajaan Negeri akan dilaporkan secara terperinci selaras dengan ketetapan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

7.0 PEMATUHAN KEPADA PIAWAIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (MPSAS)

- 7.1 Pematuhan kepada MPSAS adalah merupakan satu ketetapan dalam pelaksanaan Sistem Perakaunan Asas Akruan.
- 7.2 Kesemua Jabatan/PTJ dikehendaki mematuhi ketetapan MPSAS di samping peraturan kewangan sedia yang merangkumi Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan, Pekeliling Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah dan lain-lain peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

8.0 GARIS PANDUAN PERAKAUNAN AKRUAN

- 8.1 Garis panduan pelaksanaan perakaunan akruan akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

9.0 TARIKH BERKUAT KUASA

9.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

10.0 PEMAKAIAN

10.1 Pekeliling ini hendaklah diguna pakai oleh semua Jabatan/PTJ jabatan negeri.

10.2 Semua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan pematuhan kepada Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan yang akan dikeluarkan dari masa ke semasa.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT, DSSS., SDK., AMK., BCK.)

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

KEDAH DARUL AMAN

Tarikh : **18** Julai 2021

s.k. Yang Berhormat Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman

Bendahari Negeri Kedah Darul Aman

Pengarah Jabatan Audit Negeri Kedah Darul Aman

Fail : P.Kw.N(K)1521JLD.3(24)